



## SEKTOR PENDIDIKAN ISLAM JABATAN PENDIDIKAN KELANTAN

---

SOALAN PRA SPM  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2018  
TASAWWUR ISLAM  
KERTAS 2  
2 ½ jam

5226/2

Dua Jam Tiga Puluh Minit

- 
1. Kertas soalan ini mengandungi **tujuh soalan**.
  2. **Soalan 1** mesti dijawab. Kemudian jawab **empat** soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.
  3. Kesemua lima soalan yang mesti dijawab.
  4. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.

---

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak

**Soalan 1** mesti dijawab. Kemudian jawab **empat** soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.

- 1 (a) Wahyu pertama diturunkan di Gua Hira' ketika Rasulullah SAW berumur 40 tahun. Baginda telah berdakwah menyampaikan wahyu tersebut selama 23 tahun, iaitu 13 tahun di Mekah dan 10 tahun di Madinah.
- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan wahyu ? (2 markah)
- (ii) Nyatakan **dua** peranan wahyu (4 markah)
- (b) Kesempurnaan ajaran Islam yang di bawa oleh Nabi Muhammad SAW menyebabkan tidak ada lagi wahyu dan nabi selepas kewafatan Rasulullah SAW.
- (i) Bincangkan keunggulan ajaran Islam. (4 markah)
- (ii) Terangkan dua unsur yang boleh mencemarkan ajaran Islam. (4 markah)
- Pengaruh asing yang meresap dalam masyarakat Islam telah melahirkan pelbagai budaya dan cara hidup yang bertentangan dengan ajaran Islam.
- (c) (i) Pada pandangan anda, mengapakah anak muda Islam mudah terpengaruh dengan budaya songsang tersebut. (6 markah)
- 2 (a) Islam merupakan agama yang berkesinambungan dengan agama langit yang telah diturunkan kepada nabi-nabi yang terdahulu.
- (i) Nyatakan dua ciri agama langit (samawi). (2 markah)
- (ii) Jelaskan dua perbezaan antara agama langit dengan agama budaya (wadie). (4 markah)
- (b) **Kes dera kanak-kanak kian membimbangkan**  
Tajuk Utama Harian Metro 15 Feb 2018
- (i) Berdasarkan kepada tajuk utama akhbar diatas, mengapakah kanak-kanak sering menjadi mangsa penderaan ? (4 markah)
- (ii) Huraikan dua cara penyelesaian masalah di atas berdasarkan prinsip waqf,iyah. (4 markah)
- (c) Islam memberi kelonggaran kepada umatnya dalam melakukan ibadat solat.
- (i) Senaraikan dua contoh murunah yang dapat anda lakukan dalam ibadat solat. (2 markah)
- (ii) Bincangkan kesan jika tiada konsep murunah dalam ibadat solat. (4 markah)

3 (a)



Petunjuk :

- Negara Umat Islam
- Bukan negara umat Islam

- (i) Peta diatas membahagikan dunia kepada negara Islam dan negara bukan Islam.  
Nyatakan pengertian negara Islam. (2 markah)
- (ii) Senaraikan empat elemen penting dalam pembentukan negara Islam. (4 markah)
- (b) (i) Senaraikan dua ciri pemimpin yang diredai oleh Allah SWT. (2 markah)
- (ii) Jelaskan dua tanggungjawab pemimpin bagi memastikan keamanan dan kesejahteraan negara. (4 markah)
- (c) Jika kamu sebenar-benar tawakal kepada Allah SWT, sudah pasti Allah SWT akan memberikan kamu rezeki, sebagaimana Allah SWT memberikan rezeki kepada burung.  
Bagaimanakah cara anda merealisasikan sifat tawakal dalam menghadapi peperiksaan. (4 markah)
- (d) Sistem sosial Islam adalah sangat berbeza dengan sistem sosial barat.  
Nyatakan dua perbezaan tersebut (4 markah)

4 (a)

Harta adalah amanah Allah S.W.T. kepada manusia.

- (i) Nyatakan dua sebab harta merupakan amanah Allah SWT. (4 markah)
- (ii) Mengapakah Islam menggalakkan umatnya mencari harta ?. (4 markah)
- (b) Nyatakan contoh muamalah berikut :
- i - Al-Ijarah. (2 markah)
  - ii - Arrahn. (2 markah)
- (c) “ Dan janganlah kau makan ( atau mengambil )harta (orang-orang lain di antara kamu dengan jalan yang salah.... (Maksud Al-Quran surah al-Baqarah, 2:188)
- (i) Ayat al-Quran diatas jelas melarang umat Islam daripada mencero bohi harta orang lain.  
Terangkan dua bentuk pencerobohan harta yang dilarang oleh Islam. (4 markah)
- (ii) Pada mendapat anda mengapakah Islam melarang umatnya daripada mencero bohi harta orang lain. (4 markah)

- 5 (a) (i) Terangkan dua ciri keunggulan perundangan Islam berbanding dengan perundangan yang lain. (4 markah)
- (ii) Nyatakan **dua** kebaikan melaksanakan perundangan Islam dalam negara. (4 markah)
- (b) Nyatakan pengertian dan contoh bagi hukum berikut
- (i) Wajib. (2 markah)
- (ii) Haram. (2 markah)
- (c) Seorang pesalah zina telah terlepas daripada hukuman rejam kerana pihak pendakwaraya tidak dapat memberikan 4 orang saksi yang adil.
- (i) Dalam situasi diatas apakah hukuman yang boleh dikenakan kepada pesalah tersebut. (2 markah)
- (ii) Jelaskan kepentingan hukuman tersebut kepada pesalah. (4 markah)
- (iii) Nyatakan dua perbezaan antara hukuman jenayah Islam dengan Jenayah bukan Islam. (2 markah)
- 6 (a) Penyelesaian masalah menurut Islam ialah menyelesaikan masalah umat Islam berasaskan syariat Islam.
- (i) Jelaskan dua perlakuan dalam penyelesaian masalah menurut Islam. (4 markah)
- (ii) Mengapakah penyelesaian masalah mesti dilakukan secara Islam. (4 markah)
- (iii) Terangkan dua cara mewujudkan perpaduan dalam kalangan pelajar di sekolah. (4 markah)
- (b) Masalah samseng dalam kalangan pelajar amat membimbangkan masyarakat - Tajuk Utama Berita Harian ( Disember 2014 ).
- (i) Mengapakah masalah tersebut masih berlaku dalam kalangan pelajar di sekolah. (4 markah)
- (ii) Terangkan dua langkah yang boleh anda lakukan untuk menyelesaikan masalah tersebut di sekolah. (4 markah)

- 7 (a) Jaminan keselamatan amat penting bagi menjamin kesejahteraan hidup bermasyarakat. Jelaskan **dua** cara untuk mewujudkan jaminan keselamatan (4 markah) dalam masyarakat.
- (b) Kesaksamaan sosial bermaksud keharmonian hubungan sesama manusia untuk menjauhi perkara-perkara yang menyebabkan perpecahan, perbalahan dan kekacauan dalam masyarakat dan negara.
- (i) Apakah langkah yang boleh dilakukan bagi menjamin kesaksamaan sosial (6 markah) dalam masyarakat.
- (c) Terangkan dua kepentingan perkahwinan menurut Islam (4 markah)
- (d) Ibadat yang tidak berkualiti kadangkala tidak diterima oleh Allah.
- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan ibadat. (2 markah)
- (ii) Jelaskan **dua** cara untuk meningkatkan kualiti dalam beribadat. (4 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT